



# **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

## **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

<b>SABTU, 23 JULAI 2022</b>	
<b>1.</b>	<b>Hanya ayam, roti canai, nasi berlauk antara punca inflasi meningkat</b>
<b>2.</b>	<b>Harga barang mentah stabil</b>
<b>3.</b>	<b>Hantar lori kosong ambil ayam beku seludup</b>
<b>4.</b>	<b>Lambakan ayam besar di ladang</b>

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

# Harga ayam, roti canai, nasi berlauk antara punca inflasi meningkat

Oleh SHAFIQAH SHUKOR  
ekonomiutusan@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Ayam, roti canai dan nasi berlauk merupakan antara komponen makanan yang melonjakkan kadar inflasi negara kepada 3.4 peratus pada Jun lalu, daripada 2.8 peratus bulan sebelumnya.

Menurut Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin, ayam yang mempunyai wajaran terbesar dalam subkumpulan daging sebanyak 46.1 peratus, meningkat 17.2 peratus berbanding peningkatan 13.4 peratus pada Mei 2022.

"Purata harga ayam mentah pada Jun 2022 adalah sebanyak RM10.02 sekilogram berbanding RM8.55 pada Jun 2021.

"Peningkatan harga ayam ini selari dengan kenaikan input pengeluaran makanan dunia seperti jagung (14.8 peratus), gandum (60.9 peratus) dan kacang soya (19.9 peratus) yang menjadi komposisi terbesar penyediaan dedak ayam," katanya dalam kenyataan mengumumkan Indeks Harga Pengguna (IHP) negara bagi Jun 2022.

Mohd. Uzir berkata, indeks makanan yang meningkat sebanyak 6.1 peratus, kekal menjadi penyumbang utama kenaikan inflasi pada bulan dilaporkan.

Kata beliau, semua kumpulan



**KENAIKAN** harga ayam dipasaran turut memberi kesan rantaian kepada produk makanan berasaskan ayam di pasaran. - UTUSAN/AMIR KHALID

lain kecuali komunikasi turut merekodkan peningkatan dan mendorong kepada inflasi keseluruhan kepada 3.4 peratus.

"Pengangkutan meningkat 5.4 peratus diikuti oleh restoran & hotel (5.0 peratus), hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah (3.4 peratus), pelbagai barangan & perkhidmatan (2.2 peratus) dan perkhidmatan rekreasi & kebudayaan (2.2 peratus).

"Pada Jun 2022, kesemua subkumpulan bagi makanan & minuman bukan alkohol menunjukkan

peningkatan antara 2.8 peratus hingga 11.9 peratus," katanya.

Sementara itu katanya, komponen makanan di rumah dan makanan di luar rumah masing-masing meningkat 6.1 peratus dan 6.6 peratus, mendorong kepada kenaikan inflasi makanan.

Ujarnya, antara makanan di luar rumah yang menunjukkan kenaikan adalah roti canai (10.5 peratus), nasi berlauk (9.7 peratus), masakan daging (7.8 peratus) dan makanan berasaskan mi (7.0 peratus).

Mengulas lanjut, Mohd. Uzir berkata, peningkatan dalam kumpulan pengangkutan pula disebabkan terutama oleh peningkatan purata harga petrol tanpa plumbum RON97 sebanyak 80 peratus (RM4.77 seliter) berbanding RM2.65 pada bulan sama tahun sebelumnya.

Jelasnya, kenaikan harga minyak itu adalah kesan daripada peningkatan harga minyak mentah Brent (64.3 peratus) kepada AS\$120.08 (RM543.05) setong pada Jun 2022.

Inflasi bagi suku tahun kedua

2022 meningkat 2.8 peratus berbanding suku sama tahun sebelumnya.

Inflasi bagi tempoh Januari hingga Jun 2022 pula meningkat 2.5 peratus berbanding tempoh sama tahun sebelumnya. Bagi perbandingan bulanan, inflasi meningkat 0.6 peratus berbanding Mei 2022.

"Perbandingan dengan negara-negara terpilih di rantau Asia Pasifik, kadar inflasi di Malaysia (3.4 peratus) adalah lebih tinggi berbanding China (2.5 peratus), namun lebih rendah daripada Thailand (7.7 peratus), Filipina (6.1 peratus), Korea (6.0 peratus) dan Indonesia (4.4 peratus)," katanya.

Kerajaan sebelum ini memutuskan tidak mengapungkan harga ayam sebaliknya meneruskan pemberian subsidi ayam dengan menetapkan harga siling runcit ayam standard pada RM9.40 sekilogram bagi Semenanjung Malaysia berkuat kuasa 1 Julai lalu.

Pada masa sama, harga siling runcit telur ayam turut ditetapkan pada kadar 0.45 sen/biji bagi gred A, gred B (0.43 sen/biji) dan gred C (0.41 sen/biji).

Menerusi pelaksanaan subsidi itu, kerajaan memperuntukan sebanyak RM369.5 juta, menjadikan jumlah keseluruhan subsidi sebanyak RM1.1 bilion sejak 5 Februari lalu.

## Harga barang mentah stabil

**Kuala Lumpur:** Harga barang mentah di beberapa pasar utama sekitar ibu kota dilihat stabil dan tidak berlaku sebarang peningkatan.

Tinjauan Harian Metro di Pasar Jalan Raja Alang, Pasar Keramat dan Pasar Taman Tun Dr Ismail (TTDI) mendapati harga ayam dijual tidak melebihi harga siling iaitu RM9.40.

Manakala, bagi harga ikan dan sayur-sayuran pula bergantung kepada musim tuaian dan jumlah bekalan.

Peniaga ayam, Mohd Shahfizi Ahmad, 39 berkata, bekalan dan harga ayam kini lebih stabil dan menguntungkan kedua-dua pihak.

"Sekarang bekalan tidak sukar seperti dulu, pembekal juga menghantar bekalan seperti yang diminta peniaga.

"Pengguna juga kini lebih puas hati dengan harga siling, malah kadang-kadang harga dijual lebih murah dari harga siling," katanya kepada Harian Metro, semalam.

Bagi peniaga sayur-sayuran, Nur Amirah Mokhtar, 43, berkata, harga sayur kebiasaannya berubah mengikut minggu.

"Namun, harga yang dijual masih terkawal serta bekalan juga lebih mudah diperoleh.

"Cuma ada beberapa sayur yang sukar diperoleh, kebanyakannya adalah sayur yang diimport," katanya.

Sementara itu, bagi pemilik kedai makan, Ahmad Faris Mohd, 37, dia berpuas hati dengan harga semasa kebanyakan bekalan bahan mentah.



TINJAUAN mendapat harga ayam dijual tidak melebihi harga siling. - Gambar NSTP/SAIFULLIZAN TAMADI



MOHD Nasir (kanan) memunjukkan ayam beku yang dirampas. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

## Hantar lori kosong ambil ayam beku seludup

**Rantau Panjang:** Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Kelantan mematahkan cubaan menyeludup ayam beku tanpa permit berjumlah RM30,000 dari negara Thailand.

Pengarah Kastam Negeri Kelantan, Mohd Nasir Deraman berkata, hasil maklumat dan intipan dilakukan bersama pasukan Risikan Cawangan Timur, pihaknya menahan sebuah lori dengan muatan 7,500 kilogram (kg) ayam beku di tepi jalan Kampung Berdang, Jalan Jeli-Dabong pada 2.40 pagi.

Katanya, pada masa sama, pemandu lori yang juga penduduk tempatan berusia 31 tahun ditangkap dan kini ditahan untuk siasatan.

"Berdasarkan siasatan, modus operandi yang digunakan sindiket terbabit adalah dengan menghantar lori kosong dan kemudiannya menyerahkan kepada pihak tertentu untuk mengambil ayam beku itu yang diseludup masuk di lokasi tertentu di sekitar sempadan negara.



**Sebaik lori diserahkan itu diisi muatan ayam beku, pihak yang terbabit akan menyerahkan kembali lori kepada pemandu asal"**

**Mohd Nasir**

"Sebaik lori diserahkan itu diisi muatan ayam beku, pihak yang terbabit akan menyerahkan kembali lori kepada pemandu asal bagi tujuan penghantaran ke pasaran Lembah Klang," katanya di Pejabat Pentadbiran Kastam Rantau Panjang di sini, kelmarin.

Katanya, ayam beku diklasifikasikan sebagai barang larangan import yang tertakluk mengikut Jadual Ketiga, Bahagian Pertama, Butiran Ketiga Perintah Kastam (Larangan Mengenal Import) 2022.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 135(1) (e), Akta

Kastan 1967.

"Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak kurang dari 10 kali nilai barang atau RM50,000 yang mana lebih besar dan tidak lebih dari 20 kali nilai barang atau RM500,000 yang mana lebih besar atau dipenjarakan tidak kurang dari enam bulan dan tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali bagi kesalahan pertama," katanya.

Dalam perkembangan lain, Mohd Nasir berkata, bagi tempoh enam bulan pertama tahun ini, JKDM Kelantan menerima 22 kes membabitkan penyeludupan ayam beku.

"Bagi tempoh berkenaan, pihak kami berjaya merampas 35,842 kg ayam beku dengan nilai rampasan lebih RM160,000 dan cukai lebih RM64,000.

"Berdasarkan statistik berbanding tahun lalu dalam tempoh yang sama, terdapat sedikit peningkatan yang berkemungkinan disebabkan harga ayam di pasaran kini melambung tinggi," katanya.

# Lambakan ayam besar di ladang

**Persatuan dakwa permintaan jatuh, nafi sorok bekalan**

**Ustaz Muhammad Farid Noh dan Samad Ahmad**  
bhnews@bh.com.my

**Johor Bahru:** Kekurangan permintaan ayam segar yang jatuh sehingga 40 peratus ketika ini, menyebabkan berlaku lambakan ayam di reban ladang ternakan hingga menyebabkan ia membesar hingga berat mencapai 3 kilogram (kg) seekor.

Setlajusaba Persatuan Penternak Unggus (Kecil dan Sederhana) Negeri Johor, Lau Ka Leng, berkata lambakan ayam hidup di reban menyebabkan ternakan ayam di ladang melepasi tempoh matang, sekali gus mempengaruhi berat ayam segar ketika ini yang lebih besar daripada sebelum ini.

Susulan itu, Ka Leng sekali lagi

menafikan dakwaan yang menyatakan ayam segar besar saiz antara 2.1kg hingga 3.0kg banyak dijual dalam pasaran ketika ini berpunca daripada tindakan penternak menyorokkan ayam sebelum ini.

"Persatuan ingin sekali lagi menafikan dakwaan banyak ayam segar bersaiz besar ketika ini kononnya kerana penternak menyorok ayam di ladang dan hanya mengeluarkannya bila harga siling baharu ditetapkan kerajaum.

"Iu tidak benar sama sekali. Jika kami simpan atau sorok ayam dari bulan lalu, berat ayam mungkin sudah lebih 5 hingga 6kg seekor. Pentiaga dan pelanggan pun tak mahu beli ayam sebegitu besar.

"Ayam matang dalam tempoh 28 hari dengan berat purata antara 1.6 hingga 1.8kg seekor, namun ekoran permintaan burung ayam di ladang kini melepasi usit 30 hingga 37 hari dengan berat melebihi 2kg setiap ekor," katanya kepada BH.

Ka Leng berkata, selepas berusia 28 hari, berat ayam bertambah antara 100 hingga 160

gram sehari, jika ia tidak dibeli pembekal.

Dakwanya, berikutan masalah itu, ada ayam bersaiz besar dalam pasaran ketika ini kerana sudah melebihi berastnya sudah bertambah, berbanding biasa.

"Sebelum ini bekalan ayam kurang dan mendapat permintaan terlalu tinggi sehingga hasil ternakan tidak mencapai tempoh matang 28 hari terpaksa dijual bagi memenuhi permintaan. Ketika itu memang saiz ayam kecil dengan kebanyakannya sekor tidak melebihi sekilogram.

"Namun, ketika ini bekalan ayam hampir pulih sejak larian ekspor ayam segar ke Singapura bulan lalu, ditambah permintaan tempatan berkurangan hampir 40 peratus ketika ini, sehingga berlaku lebihan ternakan ayam di la-

dang," katanya. Sementara itu, tinjauan BH di pasar basah Paman mendapati ayam segar yang dijual bersaiz besar antara 2.1 hingga 3kg.

Namun ada juga ayam bersaiz purata 1.6 hingga 1.8kg berikutan saiz itu paling digemari pengguna serta pentiaga makanan.



Lau Ka Leng

Pentuai ayam, Malik Masulana, 23, mendakwa jualan ayam segar kini mengalami kelembapan, selepas harga siling ayam ditetapkan pada RM9.40 sekilogram, 1 Julai lalu.

Katanya, faktor orang ramai yang mengambil langkah berjimat menyebabkan berlaku lambakan ayam ketika ini di pasaran termasuk ayam bersaiz besar.

"Memang ayam segar sekarang banyak yang besar-besar. Biasanya purata saiz antara 1.6 hingga 1.8kg, tetapi kini cecah 3kg pun ada.

"Bagaimanapun, jika ayam besar sangat pun, pengguna tidak

gemar dan akan dipotong selalunya dijual mengikut bahagian seperti paha, dada dan kepak.

"Masa bekalan ayam kurang dahulu, saiznya tak besar pun, tak lebih sekilo berbanding sekarang," katanya.

Sementara itu, pentua reban, Mohd Zamri Bin, 66, menigakui ayam segar di pasaran kini bersaiz besar berbanding sebelum ini.

**—**

Namun katanya, beliau memilih ayam bersaiz sederhana sebagai ramuan utama untuk nasi di restoran berikutan tidak mahu menaikkan harga terbitan yang.

"Saya menggunakan ayam bersaiz antara 1.6 hingga 1.8kg bagi menu nasi ayam penyet kerana ia tidak boleh dibual dengan tempoh terlalu tinggi bagi mengelak pengeluaran beralih ke restoran lain.

"Namun bagi hidangan nasi ayam, saya lebih gemar saiz ayam 2.1kg ke atas kerana lebih banyak isi ayam diperolehi bagi pelanggan itu, berbanding yang saiz sederhana," katanya.